

Inflasi: Padahnya pada rakyat - PM

29 MAY 1993

KUALA LUMPUR 28 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir ~~Mohamad~~ mengingatkan bahawa rakyat akan turut menerima padahnya jika kadar inflasi di dalam negara terus meningkat.

Menurut beliau, walaupun kerajaan tidak menafikan bahawa kenaikan upah para pekerja penting, tetapi kenaikan itu tidak akan membawa banyak faedah kepada para pekerja jika harga barangan di pasaran turut meningkat.

"Sebab itulah kalau boleh kerajaan hendak memerangi inflasi ini hingga tidak ada langsung walaupun perkara itu agak sukar untuk dilaksanakan," katanya.

Perdana Menteri berka-

ta demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perdagangan Malaysia di sini, hari ini.

Beliau menambah, mesyuarat keempat majlis itu adalah bagi membincangkan beberapa perkara termasuk soal mewujudkan komuniti peniaga bumiputera, industri kecil, teknologi maklumat dan memerangi inflasi.

"Walaupun tiada kertas kerja mengenai inflasi dibentangkan dalam mesyuarat itu, tetapi saya mengemukakan juga soal inflasi untuk diperbincangkan," tambahnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, bagi memastikan usaha kerajaan itu berhasil, rakyat negara ini seharusnya memahami apa itu inflasi dan apakah peranan yang perlu mere-

ka mainkan untuk membantu kerajaan dalam memerangi masalah tersebut.

Sebagai contoh, tegasnya, jika gaji seseorang pekerja itu dinaikkan 100 peratus, tetapi tahap pengeluaran yang mereka hasilkan tidak berubah, keadaan itu dengan sendirinya akan menggalakkan inflasi kerana barangan itu terpaksa dijual dengan harga yang mahal oleh syarikat terlibat bagi menampung kos pengeluaran yang meningkat.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, kenaikan gaji seseorang pekerja itu tidak menimbulkan satu masalah sekiranya ia diikuti dengan pertambahan keluaran barangan yang mereka hasilkan.

"Apabila gaji dinaikkan 100 peratus dan kadar

keluaran syarikat naik 150 peratus, dengan sendirinya barangan yang dijual oleh syarikat itu dapat dijual pada harga yang lebih murah dan ini boleh mengelakkan inflasi," ujarnya.

Mengenai kenaikan gaji para eksekutif, beliau berkata, kerajaan tidak menghalang mereka menuntut kenaikan gaji yang lebih tetapi biarlah jarak kenaikan gaji antara eksekutif dengan pekerja bawahan tidak terlalu jauh.

Menurut beliau, dalam keghairahan menuntut kenaikan gaji, para eksekutif harus membantu kerajaan memerangi masalah inflasi dan meningkatkan pengeluaran dalam negara.